



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN MARA DIGITAL
@ ANGGERIK MALL**

**BERTEMPAT DI RUANG LEGAR,
ANGGERIK MALL,
SHAH ALAM**

**21 JULAI 2016 (KHAMIS)
WAKTU KETIBAAN : 3.00 PETANG**

SALUTASI SEWAJARNYA

MUKADDIMAH

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan inayah-NYA, pada hari ini dapat kita berkumpul dalam satu majlis yang penuh bersejarah sempena Majlis Pelancaran MARA DIGITAL @ ANGGERIK MALL. Sejajar dengan penubuhan 50 tahun MARA saya berbangga dengan transformasi pewujudan pusat ICT MARA Digital ini.
2. Di bawah 6 fokus utama, pelan transformasi 3 iaitu pewujudan Techno-Hub bagi menggalakkan usahawan belia Bumiputera luar bandar melibatkan diri dalam sektor perniagaan yang '*lucrative*' di bandar-bandar berhampiran, pewujudan pusat ICT MARA Digital ini adalah satu penanda aras baru ke arah penglibatan usahawan Bumiputera dalam industri ICT dan teknologi.
3. Teknologi digital semakin penting sebagai penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sesebuah negara. Di samping sumbangan langsung kepada KDNK menerusi pertambahan dalam penggunaan, pelaburan persendirian, perbelanjaan kerajaan dan eksport, ia juga menyumbang kepada KDNK dalam sebilangan cara yang tidak langsung dan membawa manfaat yang besar bagi perniagaan.
4. Malaysia sudah membina sektor perkilangan yang teguh dan ekonomi berasaskan perkhidmatan. Gelombang perubahan seterusnya adalah perkembangan ekonomi yang akan datang dari pembinaan ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan, serta teknologi digital sebagai pemacu utama fasa perkembangan seterusnya.
5. Teknologi digital telah berkembang dengan ketara dari segi perluasannya dalam tempoh lima (5) tahun ini. Hari ini, terdapat lebih daripada dua (2) billion pengguna internet di seluruh dunia, dengan kadar penembusan global lebih daripada 30 peratus dan ini pasti akan lebih meningkat dan dipacu dengan penggunaan empat teknologi/ konsep digital yang baru iaitu: peranti mudah alih, media social, "cloud" dan berasaskan internet.
6. Malaysia telah membina asas yang teguh untuk memacu pembangunan ekonomi digitalnya. Ia memiliki aplikasi dan penggunaan ICT yang kukuh. Inisiatif-inisiatif yang sedia ada adalah seperti projek MSC Malaysia termasuk inisiatif baru di bawah Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi akan terus mengukuhkan asas tersebut. Malah, inisiatif-inisiatif ini dijangka menyumbang sebanyak RM220 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) Malaysia menjelang 2020.

INSPIRASI: PENCAPAIAN MARA DIGITAL @MENARA MARA

7. Sejak MARA Digital @Menara MARA mula beroperasi pada 8 Disember 2015 yang lalu, MARA Digital @Menara MARA telah mencatatkan penjualan mencecah **RM10 juta**. Pelbagai produk dan perkhidmatan telah disediakan di MARA Digital @Menara MARA agar ia memudahkan orang ramai untuk mendapatkan produk dan perkhidmatan di bawah satu bumbung.

8. Setelah 7 bulan beroperasi, MARA Digital @Menara MARA telah menerima sambutan yang amat menggalakkan dari pelbagai pihak dan masyarakat. Kesemua ruang niaga di MARA Digital @Menara MARA telah diisi sepenuhnya dan usahawan-usahawan di BUSANA MENARA MARA turut menerima limpahan pendapatan hasil pewujudan MARA Digital @Menara MARA ini.

9. Dengan perkhidmatan dan produk ICT yang tulen dengan harga yang berpatutan, MARA Digital kini mula mendapat tempat di hati masyarakat yang rata-rata telah menyatakan sokongan dan menyambut baik pewujudan MARA Digital ini.

10. Pihak MARA juga menerima banyak pelawaan dari pelbagai pihak dalam pewujudan MARA Digital di setiap negeri. MARA sedang dalam usaha mengkaji dan meneliti setiap cadangan yang diterima bagi memastikan lokasi yang dicadangkan bersesuaian.

KONSEP MARA DIGITAL @ANGGERIK MALL

11. MARA Digital @Anggerik Mall menggunakan konsep yang sama seperti MARA Digital Menara MARA sebagai legasi seterusnya. MARA telah melantik syarikat Interlink Impact Holding Sdn Bhd selaku *anchor tenant* yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan operasi dan usahawan yang menyewa di MARA Digital @Anggerik Mall.

12. *Interlink Impact Holding Sdn Bhd* selaku *anchor tenant* akan membuat pembelian secara pukal dan membekalkan produk tersebut kepada peniaga-peniaga di MARA Digital @Anggerik Mall. Oleh itu, satu rangkaian nilai kepada usahawan-usahawan di dalam MARA Digital dapat diwujudkan.

13. Bagi mewujudkan unsur nilai tambah kepada usahawan yang beroperasi di MARA Digital @Anggerik Mall, pihak MARA bekerjasama dengan usahawan dan Business Operator melalui Program Vendor 'Consumer Electronic Device' dengan *Interlink Impact Holding Sdn Bhd* sebagai *anchor* dalam program kali ini.

14. *Interlink Impact Holding Sdn Bhd* bertanggungjawab bagi membina, merekabentuk dan menguruskan MARA Digital @Anggerik Mall ini. Selain itu,

Interlink Impact Holding Sdn Bhd juga merupakan pembekal utama produk-produk ICT kepada usahawan-usahawan Bumiputera yang terlibat di sini.

15. Aktiviti di setiap MARA Digital juga dipantau oleh **Jawatankuasa Pemandu MARA Digital** yang turut dianggotai oleh wakil KPDNKK. Penglibatan KPDNKK dalam jawatankuasa ini dapat meningkatkan tahap keyakinan pelanggan terhadap produk-produk ICT yang ditawarkan di setiap MARA Digital.

PERANAN MARA DIGITAL @ANGGERIK MALL

16. Dengan pewujudan MARA Digital @Anggerik Mall, ia berperanan menjadi pemangkin kepada aktiviti perniagaan ICT masyarakat Bumiputera dengan menawarkan semua barangan dan perkhidmatan digital yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan pengguna.

17. Matlamat MARA Digital adalah untuk menggalakkan kewujudan usahawan ICT dan pada masa yang sama mencipta peluang untuk mengambil kesempatan ke atas permintaan bagi produk dan perkhidmatan digital. Usahawan digital seperti syarikat *start up ICT*, syarikat dan PKS di sektor-sektor “cloud”, Mobiliti, sistem “Embedded”, Sosial dan “Big Data” akan mendapat manfaat dari inisiatif ini.

18. MARA Digital ini juga akan dapat memberi pilihan tambahan kepada pengguna bagi mendapatkan produk dan perkhidmatan berkaitan IT yang ditawarkan seperti *accessibility, waiting time, product range* dan *positioning*.

MODEL OPERASI MARA DIGITAL

19. MARA Digital akan menawarkan produk dan perkhidmatan trend terkini seperti Perkhidmatan Penyedia Rangkaian (Network Service Provider), Perisian, Peralatan dan perkakasan (Hardware & Peripherals), Aksesori dan Perkhidmatan Selepas Jualan (After Sales Service).

20. MARA Digital Anggerik Mall telah dilaksanakan mengikut fasa-fasa yang telah ditetapkan. Fasa 1 yang dilaksanakan pada aras bawah telah menyediakan lebih kurang 32 ruang niaga berbentuk kiosk dalam ukuran 8x8 kaki, 8x10 kaki dan 10x10 kaki. Bagi fasa 2 yang bertempat di aras satu, 14 ruang niaga akan disediakan. Di aras satu ini, pelbagai kedai konsep dari syarikat gergasi telekomunikasi dan jenama-jenama produk IT yang terkenal akan berada di aras ini.

21. MARA Digital telah menerima banyak sokongan daripada syarikat-syarikat berjenama terkenal di dalam industri yang berminat untuk bersama dengan MARA

Digital Anggerik Mall. Antara jenama yang akan berada di dalam MARA Digital Anggerik Mall adalah seperti SAMSUNG, LENOVO, HUAWEI, OPPO, ASUS, TP Link dan lain-lain.

22. Syarikat-syarikat telekomunikasi seperti CELCOM, MAXIS, DIGI, U-MOBILE, ALTEL dan TUNE TALK juga menyatakan hasrat mereka untuk bersama MARA Digital Anggerik Mall dalam memberikan perkhidmatan seperti pendaftaran, pembayaran bil dan sebagainya.

23. Adalah besar harapan saya agar empayar MARA Digital yang telah wujud ini terus berkembang maju untuk 50 tahun yang akan datang seiring dengan pelbagai strategi pemerkasaan MARA sempena Sambutan 50 tahun MARA pada tahun ini.

PENUTUP

24. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada MARA dalam merealisasikan serta merencanakan agenda pembangunan negara dalam dalam bidang ICT. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini melancarkan MARA DIGITAL @ANGGERIK MALL.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.